

POTONG GAJI PELATIH SILAT

Pesaka sedia beri bantuan

13 AUG 1987

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sedia memberi imbuhan kepada pesilat-pesilat negara yang menghadapi potongan gaji sepanjang latihan perslapan ke Sukan SEA Jakarta pada 9-20 September ini, lapor *RABIEY BESA*.

Bagaimanapun pembayaran itu mungkin mengambil masa kerana setiap pesilat terbabit perlu menjelaskan kedudukan itu kepada Pesaka untuk dikemukakan kepada MSN.

Pengurus pasukan silat ke Sukan SEA, Basron Haji Hamit, memberitahu pesilat tidak perlu resah dengan tiadanya elaun dalam latihan peringkat kedua baru-baru ini.

Ketika mengulas kenyataan Pengurus Persatuan Silat Gayong Johor (PSGJ), Abdul Manaf Chokro, beliau berkata MSN sentiasa menjaga kebajikan ahli sukan negara setimpal dengan ke-

sungguhan yang dibuktikan.

PSGJ mendakwa baru-baru ini mendakwa bahawa Majlis Sukan Negara (MSN) mengabaikan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan ahli silat termasuk memberi elaun latihan khususnya dua pesilat adik beradik negara, Khadijah dan Salbiah Salleh yang mengikuti latihan pusat sebagai perslapan ke Sukan SEA.

Abdul Manaf berkata, sikap dingin majlis itu turut menjejaskan dua pesilat itu untuk mengikuti latihan peringkat ketiga bermula pada 15 Ogos ini setelah elaun tidak dibayar ketika menjalani latihan peringkat kedua pada 10-20 Julai lalu.

Katanya: "Walaupun Salbiah dan Khatijah tidak mahu masalah mereka dijadikan isu kerana bimbang akan dikenakan tindakan disiplin tetapi kami bersimpati dengan masalah mereka."

Haji Basron menjelaskan bahawa sebenarnya

pemberian elaun kepada pesilat menjadi tanggungjawab Pesaka dan bukan MSN.

MSN sudah memberi peruntukan khusus kepada Pesaka untuk mengendalikan latihan pusat tiga peringkat yang turut membabitkan elaun pesilat.

Bagaimanapun tambahnya, elaun itu tidak diberikan kepada pesilat dalam latihan peringkat kedua kerana terpaksa membayar tempat penginapan dan makanan.

Beliau mengakui bahawa latihan peringkat pertama pada 10-24 Jun lalu, kedua pesilat itu menerima elaun \$130 seorang.

Menurutnya, latihan Jun lalu, Pesaka tidak menduga bahawa bayaran dikenakan ketika menggunakan tempat penginapan dan ini memaksa pihaknya tidak dapat membayar elaun kepada peserta terbabit.

2



UNTUK GENERASI AKAN DATANG: Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff dengan bahan-bahan — sejarah awal jenis-jenis silat — yang dikumpulkan untuk buku silat terbitan Persisi.

Kelas silat

■ **JAWATANKUASA** Penduduk (RC) Zon 3 Tampines akan mengadakan kelas Silat Sunda setiap Rabu dan Ahad mulai 8 malam. Kelas berlangsung selama tiga bulan.

Pendaftaran untuk mengikutinya boleh dibuat di pejabat RC di kolong Blok 236, Tampines Street 21, setiap Isnin dan Jumaat mulai 8 malam.

13 AUG 1987

Mereka yang berminat boleh menghubungi Encik Manaf bin Maboatullah, telefon 7828953